



## GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN SEKOLAH DALAM NORMA BAHARU 2.0

Bagi memastikan keselamatan dan kebajikan warga sekolah, pihak sekolah telah menggariskan panduan dan tatacara kehadiran warga ke sekolah berpandukan Garis Panduan Pengurusan dan pengoperasian sekolah dalam norma baharu 2.0 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

### 1. TATACARA KEHADIRAN MURID KE SEKOLAH

1. Murid harus memastikan diri sentiasa berada dalam keadaan sihat, menjaga kebersihan diri dan tidak menunjukkan gejala awal COVID-19 sebelum hadir ke sekolah.
2. Setiap murid dinasihatkan memakai pelitup muka ( face mask ).
3. Murid dinasihatkan tidak datang ke sekolah terlalu awal. Pintu pagar B (Blok F) dan C (Dewan) hanya dibuka bermula jam 6.45 pagi. Murid yang datang awal ke sekolah akan masuk ke sekolah melalui Pintu A (Utama), disaring suhu badan dan pensanitasi dan menunggu di tempat yang disediakan di bawah pemantauan pengawal keselamatan sehingga guru bertugas sampai, barulah murid boleh bergerak ke kelas masing-masing.
4. **Mohon kerjasama ibubapa untuk menurunkan murid tingkatan 1, 2 dan 4 di pintu pagar B manakala murid tingkatan 3 dan 5 di pintu pagar C pada waktu pagi untuk mengelakkan kesesakan di sesuatu pintu pagar sekolah.**
5. Murid mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dengan orang lain ketika masuk ke pintu pagar B dan C.
6. Murid perlu disaring suhu badan dan mencuci tangan apabila masuk ke kawasan sekolah..
7. Sekiranya bacaan suhu badan murid adalah  $37.5^{\circ}\text{C}$  atau lebih dan bergejala, murid adalah tidak dibenarkan masuk ke premis sekolah. Murid tersebut dikehendaki dibawa pulang oleh ibu bapa/penjaga segera atau diberi pelitup muka dan dibawa ke bilik isolasi sementara menunggu ibu bapa atau penjaga dibawa pulang mendapat rawatan.
8. Murid yang berjalan kaki /berbasikal ke sekolah berhak meminta guru memberi masa senggang bagi pengambilan suhu.
9. Gunakan pensanitiasi atau mencuci tangan dengan sabun di sinki air yang berdekatan sebelum masuk ke bilik darjah.
10. Tidak bersalaman dan bersentuhan dengan orang lain dan elakkan daripada menyentuh permukaan yang tidak perlu.
11. Bergerak mengikut laluan pergerakan sehala ke kelas (rujuk kepada pelan pergerakan) dan murid tidak dibenarkan bergerak atau berkumpul di tempat lain di kawasan sekolah.

12. Semua tangga di sebelah kiri bangunan adalah untuk naik sahaja dan tangga di sebelah kanan bangunan adalah untuk turun sahaja.
13. Perhimpunan dan aktiviti lain yang melibatkan murid berkumpul secara beramai-ramai tidak dibenarkan.

## **2. TATACARA MURID WAKTU PDP**

1. Susun atur meja murid di bilik darjah adalah berasaskan penjarakan fizikal satu (1 ) meter dari bahu ke bahu (*body to body*)
2. Murid digalakkan membersihkan meja dan tempat duduk menggunakan tisu basah atau *disinfecting wipes*.
3. Tempat duduk murid ditetapkan mengikut senarai nama murid kelas. Kedudukan murid adalah tetap dan tidak dibenarkan bertukar kecuali dibenarkan oleh pihak pentadbir.
4. Guru dan murid dikehendaki sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal 1 meter sepanjang pdpc berlangsung .
5. Tiada aktiviti kumpulan di dalam bilik darjah supaya penjarakan fizikal dioptimumkan.
6. Menggunakan pensanitiasi yang disediakan di dalam kelas jika ada keperluan.
7. Murid dibenarkan ke tandas semasa pdpc dengan mengikut tatacara ke tandas. Kebenaran hanya dibenarkan seorang murid sahaja setiap kali dengan menggunakan Pas Keluar.
8. Semua murid tidak dibenarkan bergerak dari tempat duduk masing-masing semasa pertukaran waktu subjek.
9. Tidak berkongsi menggunakan semua peralatan atau perkakasan.
10. Guru subjek akan berada di dalam bilik darjah sepanjang tempoh waktu pdpc. Guru subjek hanya meninggalkan bilik darjah apabila guru subjek seterusnya masuk ke bilik darjah.
11. Pertemuan guru dengan murid hanya dibuat di kelas sahaja. Murid tidak dibenarkan berada di kawasan lain tanpa pengawasan guru. Kebenaran pergerakan murid sepanjang waktu persekolahan, hanya dihadkan ke bilik darjah, kantin, kedai buku dan tandas dengan berpandukan tatacara yang ditetapkan.

## **3. TATACARA MURID WAKTU REHAT**

1. Pesanan dan pembayaran makanan bungkus dijalankan pada waktu pagi sebelum Pdp bermula pada setiap hari Jumaat untuk minggu berikutnya. Murid dikehendaki merujuk kepada menu makanan dan membawa wang yang mencukupi untuk membuat pembayaran pada hari Jumaat untuk pesanan makanan seminggu. Sekiranya murid tidak hadir maka makanan tersebut akan diberi kepada rakan kelas yang mahu agar tidak membazir dan tiada pembayaran balik wang.
2. Murid digalakkan membawa bekalan makanan dan minuman dari rumah.
3. Proses pengambilan makanan dan minuman di kantin:
  - i) Hanya 3 orang AJK kelas dibenarkan ke kantin untuk mengambil makanan.
  - ii) AJK kelas perlu bergerak mengikut tanda di kantin dan beratur dengan jarak 1 meter ikut tanda yang telah ditetapkan untuk mengambil makanan bungkus untuk diedarkan kepada murid di kelas masing-masing.

- iii) Guru bertugas kantin akan memantau proses pengambilan makanan oleh AJK kelas dan pastikan AJK kelas menggunakan pensanitasi yang disediakan sebelum masuk ke kantin.
- iv) Selepas makan, bekas makanan dan minuman dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan di koridor kelas.
- v) Murid dilarang makan dan minum sebelum dan selepas waktu rehat.
- vi) Murid digalakkan membawa tisu basah *personal care wipes* untuk membersih tangan supaya meminimumkan pergerakan ke tandas dan sinki air.


#### **4. TATACARA MURID KE TANDAS**

1. Murid dibenarkan ke tandas semasa waktu pembelajaran di dalam kelas dengan mematuhi peraturan ke tandas.
2. Pas Keluar hanya dibenarkan kepada seorang murid sahaja setiap kali keluar ke tandas
3. Bilangan murid yang boleh masuk ke tandas bergantung kepada bilangan kubikel bilik tandas. Tempat pengantungan pas keluar disediakan mengikut kubikel yang terdapat. Jika semua penyangkut telah digantung dengan pas keluar bererti semua kubikel di dalam tandas telah digunakan dan murid seterusnya perlu menunggu di luar tandas dengan mengamalkan penjarakan sosial.
4. Murid yang keluar daripada tandas akan mengambil balik pas keluar dan menyerahkannya balik kepada guru di kelas.
5. Murid menggunakan sabun untuk membasuh tangan sebelum keluar daripada tandas
6. Murid tidak dibenarkan berkumpul beramai-ramai di dalam dan sepanjang koridor tandas.
7. Segera balik ke kelas selepas menggunakan kemudahan di tandas.


#### **5. TATACARA MURID MASA BALIK**

1. Masa balik mengikut jadual waktu kelas.
2. Murid perlu bergerak mengikut laluan dan tangga ditetapkan.
3. Murid dikehendaki menjaga kebersihan tempat duduk dan jangan tinggalkan sampah di laci meja. Murid tidak dibenarkan meninggalkan sebarang buku teks, buku Latihan dan buku rujukan di bawah meja atau mana-mana sudut di dalam bilik darjah.
4. Sebarang sampah hanya dibuang di dalam tong sampah yang disediakan di luar kelas.
5. Murid digalakkan mencuci tangan di sinki dekat pintu pagar sebelum keluar dari kawasan sekolah.
6. Murid tidak dibenarkan bergerak ke kawasan lain dalam perkarangan sekolah selepas waktu persekolahan
7. Murid dinasihatkan terus balik rumah dan tidak berhenti atau berkumpul di luar pagar sekolah.
8. Ibu bapa atau penjaga murid digalakkan membawa anak balik dari sekolah sebaik loceng tamat persekolahan.
9. Guru bertugas untuk memantau pergerakan murid agar mematuhi SOP penjarakkan fizikal 1 meter semasa waktu balik di pintu pagar B dan C.
10. Murid yang balik lewat atau menunggu abang atau kakak di tingkatan lain perlu menunggu di tempat teduh berhampiran dengan pondok keselamatan atau di gazebo dekat kantin dengan mematuhi SOP penjarakkan fizikal sehingga pengangkutan sampai.


# PELAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DAMANSARA JAYA 2021




## PELAN LALUAN PERGERAKAN MURID KE KELAS PADA WAKTU PAGI



## PELAN LALUAN PERGERAKAN MURID BALIK PADA WAKTU PETANG



## PELAN LALUAN KE KANTIN DAN BALIK KE KELAS SEMASA REHAT



## **PELAN PERGERAKAN MURID DI KANTIN PADA WAKTU REHAT**

